

SOLBID TABLET

Isosorbide Dinitrate (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Solbid Tablet
2. Bagaimana Solbid Tablet Berfungsi
3. Sebelum mengambil Solbid Tablet
4. Cara menggunakan Solbid Tablet
5. Semasa menggunakan Solbid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Solbid Tablet

Isosorbide dinitrate digunakan sebagai langkah pencegahan dalam rawatan angina pectoris. (digambarkan sebagai rasa tekanan, memerah dan sesak di bahagian dada).

Bagaimana Solbid Tablet Berfungsi

Solbid Tablet adalah sejenis agen anti-angina yang berfungsi dengan mengendurkan saluran darah di dalam badan, lalu melebarkannya. Ini membolehkan lebih banyak darah mengalir melaluinya, mengurangkan beban pada jantung untuk mengepam darah. Ini mengurangkan keperluan oksigen oleh jantung dan mengurangkan kesakitan dada.

Sebelum mengambil Solbid Tablet

Bila tidak boleh mengambil

Sekiranya anda hipersensitif terhadap Solbid tablet dan nitrat atau nitrit lain.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda alergi terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet dan pewarna.

Beritahu doktor jika anda mengalami masalah kesihatan berikut:

- Hipotensi teruk (tekanan darah rendah).
- Hipovolemia (pengurangan darah dan plasma darah).
- Anemia (pengurangan sel darah merah).

- Perikarditis konstriktif (Inflamasi pada lapisan perikardium jantung - membran yang membaluti jantung).
- Peningkatan tekanan intrakranium kerana trauma atau pendarahan pada serebrum/kepala.
- *Closed-angle glaucoma* (kenaikan tekanan didalam mata).

Langkah berjaga-jaga harus diambil jika anda :

- Mengalami masalah buah pinggang atau hati yang teruk.
- Hipotiroidisme (pengurangan hormon tiroid).
- Malnutrisi (ketidakseimbangan zat makanan).
- Hipotermia (pengurangan dalam suhu badan).
- Serangan jantung.
- Jika anda mengambil alkohol.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat lain yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau pusat jualan makanan kesihatan.

Ubat-ubatan berikut mungkin bertindak balas dengan Solbid Tablet:

- *Acetylcholine*, histamina atau *norepinephrine (levarterenol)*. Keberkesanan ubat ini mungkin akan terjejas jika digunakan bersama nitrat.
- Alkohol mungkin akan meningkatkan kesan hipotensi ubat nitrat.
- Agen antihipertensif (agen yang digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi) atau ubat tahan sakit opioid.

Cara menggunakan Solbid Tablet

Berapa banyak harus diambil

Diambil secara oral

Dos dewasa biasa:

Antianginal -5 hingga 20 mg setiap enam jam.

Dos diselaraskan mengikut keperluan. Dos adalah 5 hingga 40 mg empat kali sehari.

Dos pediatrik: Tiada maklumat pendosan.

Bila perlu diambil

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Sila ikut arahan doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal dengan segera, jika hampir dengan dos seterusnya tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya.

Jangan ambil lebih daripada dos yang dibenarkan.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan berlebihan boleh menyebabkan:

Pengsan dan hipotensi (tekanan darah rendah). Dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin jika masalah di atas diperhatikan.

Semasa menggunakan Solbid Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi nasihat pengambilan ubat oleh doktor dengan betul.
- Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda tentang pengambilan Solbid Tablet.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Arahan penggunaan:

Elakkan minuman beralkohol.

SOLBID TABLET

Isosorbide Dinitrate (10mg)

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Berhenti mengambil Solbid Tablet, tanpa nasihat doktor.
- Memberikan ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami masalah sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan semasa kehamilan atau penyusuan:
Hanya boleh digunakan jika terdapat kelebihan berbanding risiko terhadap janin, dan langkah berjaga-jaga haruslah diambil jika diberikan kepada ibu-ibu yang sedang menyusu.

Kesan-kesan Sampingan

Isosorbide Dinitrate boleh menyebabkan: Pening, *tachycardia* (kadar degupan jantung yang cepat.), sakit kepala yang teruk, muntah, resah, penglihatan menjadi kabur dan tekanan darah rendah yang boleh menjadi serius.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, walaupun bukan seperti senarai di atas, selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui
No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 25°C. Jauhkan daripada suhu panas, cahaya dan kelembapan serta JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK

Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isirumah. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Kekuningan ke oren, berbentuk kapsul, berpermukaan rata dan bergaris putus dan tidak bersalut.

Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif yang digunakan ialah *Isosorbide Dinitrate*.

Bahan-bahan tidak aktif ialah *Corn starch, povidone, lactose, magnesium state, purified talcum, colour DC yellow No.6*.

Nombor MAL: MAL19950593A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS
SDN.BHD(218628-M)
Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate
08000, Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP: 09.02.2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)101214/00079